

## **MAKLUM BALAS PELAJAR TERHADAP PENGGUNAAN BUKU TEKS BAHASA ARAB KOMUNIKASI TINGKATAN SATU**

### **ABSTRAK**

Kajian ini bertujuan untuk mendapatkan data tentang maklum balas pelajar Tingkatan 1 dan Tingkatan 2 terhadap penggunaan Buku Teks Bahasa Arab Komunikasi (BAK) Tingkatan 1. Pembolehubah utama yang dilibatkan ialah maklum balas pelajar dan penggunaan Buku Teks Bahasa Arab Komunikasi Tingkatan 1 sebagai pembolehubah bebas. Kajian ini dijalankan di daerah Raub, Pahang. Seramai 90 orang pelajar dari empat buah sekolah daerah Raub yang mengambil subjek tersebut dipilih sebagai responden. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah survey. Alat kajian yang digunakan adalah satu set soal selidik yang mengandungi 40 item dalam empat bahagian, iaitu Bahagian A: Maklumat Pelajar; Bahagian B: Penggunaan Buku Teks; Bahagian C: Faktor Penggunaan Buku Teks dan Bahagian D: Penilaian Terhadap Buku Teks. Data yang dikumpulkan telah dianalisis secara statistik deskriptif dengan menggunakan program SPSS versi 11.5 bagi mendapatkan kekerapan dan peratus. Data kemudiannya dibentangkan secara huraian kekerapan dan peratus dengan bantuan jadual. Dapatan kajian menunjukkan pelajar kerap menggunakan buku teks tersebut untuk menambahkan kemahiran membaca, menulis, lisan dan menggunakannya untuk mengulangkaji di rumah. Responden juga memberikan penilaian 'memuaskan' dan 'sangat memuaskan' terhadap kualiti buku teks tersebut. Untuk memahami fenomena tersebut secara lebih mendalam, pengkaji mencadangkan agar satu kajian kes secara kualitatif perlu dijalankan terhadap penggunaan buku teks BAK Tingkatan 1 di kalangan guru dan pelajar dalam proses pengajaran di bilik darjah.

**STUDENTS FEEDBACK FORWARDS ON THE USE  
OF THE FORM ONE  
COMMUNICATION ARABIC TEXT BOOK**

**ABSTRACT**

This study aims to examine the feedback from the form one and two students on the use of the Form one Communication Arabic (BAK) textbook. The students feedback is the dependent variable whereas the textbook is the independent variable. The study is carried out in the district of Raub, Pahang. The respondents are 90 students taking the Arabic Language subject from 4 secondary schools in Raub. A set of questionnaire consisting of 40 items is used in the survey research. There are 4 sections in the questionnaire, namely: Section A: The student profile, Section B: The use of textbook, Section C: The usage factors and Section D: The textbook evaluation. The data is analysed using the SPSS version 11.5 programme and the descriptive statistic is used to find the frequency and percentage. It is then presented with the aid of tables.

The result shows that the students frequently use the textbook as revision to improve their speaking, reading and writing skill. The respondents also give the 'satisfied' and 'very satisfied' assessment on the quality of the textbook. To further understand the phenomena, a qualitative research on the use of the Communication Arabic (BAK) textbook among the teachers and students during the teaching process in the classroom is recommended.